



MENGARANG DENGAN MENGGUNAKAN PENGALAMAN PANCAINDERA

OLEH : MOHAMED NAIM DAUPI

PENDAHULUAN :

Setiap manusia ada keistimewaannya. Sejarah kejadian manusia mencatatkan tiada seorang pun yang wujud sebenar-benarnya seperti anda. Anda seorang yang unik. Anda istimewa. Anda sememangnya tiada tolak. Tiada seorang pun yang boleh meniru anda (carbon copy) anda dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

Apakah yang membuat kita berbeza? Beberapa pandangan menyatakan bahawa salah satu perbezaan ini disebabkan pengalaman dan pengesanan pancaindera kita serta unsur-unsur lain yang timbul seperti perasaan dan pemikiran kita.

Anda tentunya melihat sesuatu yang istimewa mahupun yang pelik dengan penelitian dan tanggapan anda. Apa yang anda tanggapi itu merupakan pantulan daripada pengalaman peribadi anda. Kita mungkin boleh berjalan seiring dan berkongsi amben di hujung sebuah danau serta kita boleh sama-sama menyaksikan keindahan panorama. Tetapi, apabila berhubung dengan pengalaman pancaindera tadi, kita akhirnya akan berbeza tanggapan dan ikhtisar.

Dari segi fizikal atau lahiriah, jika kita kehendaki, mungkin saya boleh menyerupai anda dan anda mengirasi saya. Kita boleh sama-sama mengilhami satu bentuk peribadi yang bermutu atau menyaluri satu perlakuan yang searah. Tetapi, amat nyata akhirnya kita bakal menempuh sesuatu yang tidak sehaluan walaupun hanya sedetik sahaja.

Jadi; setiap kita sebenarnya berbeza antara satu sama lain. Kita berbeza impian, daya tanggap, daya kepekaan (sensitiviti), pengertian tentang kesempurnaan, kebimbangan dan sebagainya yang kita bangunkan di dalam diri kita atau yang terbangun oleh keadaan sekeliling kita. Dan, tentunya kita akan seronok apabila mendengar pengalaman seseorang, baik disampaikan secara lisan mahupun tulisan.

Pengalaman-pengalaman pancaindera yang tercetus dari penglihatan, pendengaran, penghiduan, persentuhan dan perasaian (perihal merasai) ini menyebabkan kita membuat reaksi, hasil daripada reaksi inilah yang membentuk dan merubah kita.



KANAK-KANAK DAN PANCAINDERA


Alam kanak-kanak penuh dengan hal-hal yang aneh dan ajaib. Sejak deria penglihatan, pendengaran, penghiduan, persentuhan dan perasaian seseorang kanak-kanak (bayi) benar-benar berfungsi, mereka telah membuat reaksi. Tetapi, reaksi mereka lebih terdorong daripada rasa ketakjuban semata-mata seperti lazatnya susu, merdunya bunyi mainan dan sebagainya. Dan apabila mereka sudah boleh berkata-kata, sering pula rasa ketakjuban ini dicituskan dalam bentuk pertanyaan-pertanyaan yang adakalanya melucukan kita. Sekadar contoh:

- Mengapakah kereta tak boleh terbang? (penglihatan)
- Mengapakah air batu sejuk? (persentuhan)
- Mengapakah tahi busuk? (penghiduan)
- Mengapakah mangga boleh masam? (perasaian)
- Mengapakah bunyi gajah bising? (pendengaran)

Apakah yang mendorong seseorang kanak-kanak membuat pertanyaan-pertanyaan? Apakah pertanyaan-pertanyaan tersebut terbit kerana dorongan untuk mendapatkan pengetahuan? Kadangkala pertanyaan-pertanyaan tersebut menyukarkan kita untuk menjawabnya atau meletakkan kita dalam keadaan serba salah untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut sebenar-benarnya.

PERINGKAT MANUSIA MENDAPATKAN ILMU.

Menurut Drs. Sidi Ghazalba, manusia memperolehi pengetahuan melalui tiga peringkat, iaitu:




Sejak kanak-kanak lagi, kita sering mengajukan berbagai-bagai pertanyaan. Alam kanak-kanak sering menampilkan kita dengan rasa ketakjuban. Dari rasa ketakjuban inilah, lahir berbagai-bagai pertanyaan. Apabila kita menyelidikinya, sebenarnya rasa ketakjuban atau kehairanan seseorang kanak-kanak itu bergerak dari satu atau beberapa pengalaman pancainderanya.

Katakanlah kanak-kanak rasa terpukau dengan hembus sayup putaran sebuah kipas angin, langsung dia akan membuat pertanyaan;

mengapakah angin sejuk? Bagaimana kipas angin berputar? Apakah yang menggerakkannya? Atau dengan satu pertanyaan yang agak aneh; siapakah yang putar kipas angin itu sehingga ia berpusing-pusing.



Pertanyaan-pertanyaan dari rasa ketakjuban ini adalah merupakan tingkat pertama seseorang kanak-kanak mendapatkan pengetahuan tetapi pengetahuan yang mereka cuba dapati itu adalah untuk memulihkan rasa ketakjuban mereka semata-mata. Tingkat pengetahuan ini disebut Drs Sidi Ghazalba sebagai **pengetahuan indera**.



Tetapi apabila keinginan-keinginan pengetahuan mereka semakin memuncak sehingga terpaksa menggunakan daya fikiran mereka, maka mereka telah melangkah untuk memperoleh ilmu.

Katakanlah kita mengambil kipas angin sebagai contohnya. Apakah yang menggerakkan sebuah kipas angin? Lalu diperolehinya dalam kipas angin itu sebuah motor atau jentera kecil. Dan jentera yang dibekalkan oleh kuasa elektrik akan menggerakkan kipas angina itu. Kemudian mungkin pula pertanyaan; apakah elemen-elemen atau unsur-unsur yang menjadikan sebuah jentera kipas angin itu? Langsung mereka mendapatinya menerusi penyelidikan. Semua dapatan daripada penyelidikan atau proses pembelajaran yang sistematik inilah, Drs Sidi Ghazalba menyebutnya sebagai **pengetahuan ilmu**. Semakin banyak pertanyaan, semakin banyak kajian atau telaah dilakukan dan semakin banyak pula ilmu yang bakal diraih.

Proses manusia mendapatkan pengetahuan tidak berhenti setakat itu. Maka timbul pertanyaan-pertanyaan lain yang tidak mungkin dijawab dengan penyelidikan-penyelidikan atau keluar dari batas kemampuan pemikiran mereka. Sebagai contoh, mungkin timbul satu pertanyaan hasil pengamatannya daripada udara yang digerakkan oleh kipas angin tadi; apakah unsur yang menjadikan udara? Mengapakah udara perlu bagi pernafasan? Siapakah yang membuat udara dan menghentikan pernafasan sehingga hadir pula apa yang disebut maut? Dan sebagainya. Dari sinilah, manusia mula melangkah mengucapnya secara falsafah. Semakin banyak yang digali, semakin banyak pula pertanyaan-pertanyaan yang timbul seolah-olah seperti

telaga yang tidak kering airnya walau sebanyak manapun ditimba. Dan pengetahuan yang diraihnyalah inilah disebut **pengetahuan filsafat**.

Jadi; pertanyaan-pertanyaan seseorang kanak-kanak lebih banyak didorong oleh rasa ketakjuban semata-mata. Kanak-kanak seringkali menggunakan pancainderanya untuk mendapatkan pengalaman dan pengetahuan sehinggakan perkara-perkara atau peristiwa-peristiwa yang kecil, yang kita pandang remeh atau tidak dipedulikan oleh kita, menjadi pemusatan pemerhatian mereka.

Dan tentunya kita boleh memanfaatkan pemusatan pemerhatian dan pengalaman pancaindera kanak-kanak ini dalam pengajaran dan pembelajaran karangan.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KARANGAN

Beberapa pendapat mengatakan bahawa terdapat lima peringkat bagi membentuk kemahiran mengarang di kalangan pelajar, iaitu:

PERINGKAT	KEGIATAN CONTOH
1) MENIRU	<ul style="list-style-type: none"> • Murid-murid menyalin ayat atau karangan contoh
2) MENIRU SEMULA	<ul style="list-style-type: none"> • Menyalin semula dan menukarkan beberapa fakta dalam karangan tersebut. • Menyalin semula dengan membetulkan tanda baca, kekata atau frasa yang salah. • Menulis semula sebuah karangan yang dibaca atau diceritakan oleh guru.
3) MENGGABUNG SEMULA	<ul style="list-style-type: none"> • Menyusun ayat-ayat secara urutan atau kronologi bagi membentuk sebuah cerita yang lengkap. • Menyusun perkataan atau frasa supaya menjadi ayat yang lengkap. Ayat-ayat yang diberi berbentuk kontekstual.
4) KARANGAN TERKAWAL	<ul style="list-style-type: none"> • Isi tempat kosong di dalam rencana atau karangan dengan perkataan atau frasa (Prosedur Cloze) • Karangan yang berpandukan panduan-panduan yang berupa kekata, ayat, soalan-soalan dan sebagainya. • Karangan berdasarkan gambar tunggal atau gambar bersiri.
5) KARANGAN BEBAS	<ul style="list-style-type: none"> • Menyudahkan cerita • Karangan berbentuk pemerian (deskriptif) • Karangan berbentuk pengisahan (naratif) • Karangan berbentuk pemaparan (eksposisi) • Karangan bersifat ajakan (persuasif) • Karangan berbentuk komentar • Surat kiriman <ul style="list-style-type: none"> • Laporan dan sebagainya



Sebenarnya, apa yang ingin kami nyatakan ialah kegiatan meniru, menulis semula, dan menggabung kembali hanyalah merupakan satu kegiatan yang condong kepada aspek tatabahasa, gaya, susunan dan mekanik. Malah kegiatan meniru semata-mata, kami anggap bukanlah satu kaedah pengejaran atau pembelajaran karangan yang dapat mengembangkan minat, pengalaman dan kemahiran mengarang. Sementara karangan terkawal yang biasanya tersisip panduan-panduan berupa kekata, frasa, ayat, soalan-soalan, dan gambar pula tidak mendorong murid menulis karangan yang kreatif dan bebas.

Menyentuh gaya pula, Elaine Morais menyetujui pendapat kebanyakan penulis bahawa gaya bukanlah satu hiasan asing bagi penulisan yang baik tetapi adalah satu bahagian yang lengkap-melengkapi.

BUNGA MAWAR

Bunga mawar berwarna merah.
Bunga mawar wangi baunya.
Kelopak bunga mawar sangat halus.
Ibu saya suka tanam pokok bunga mawar.
Ibu membeli bunga mawar di pasar.
Ibu meletakkan bunga mawar itu di pasu.
Saya pun sangat suka bunga mawar.

Sebenarnya ada banyak cara untuk membangkitkan minat dan kemahiran mengarang. Melalui perbincangan misalnya, murid-murid dapat mengongsi pengalamannya mengenai sesuatu. Sekadar contoh perhatikan tulisan seorang pelajar darjah satu mengenai 'Bunga Mawar' selepas kaedah dijalankan. Seyogianya dinyatakan bahawa sebelum murid-

murid ini mengarang, murid-murid diberi peluang melihat dan meneliti bunga mawar (maujud) yang ditunjukkan oleh guru.

Mungkin anda bersetuju bahawa kaedah ini boleh meninggalkan kesan yang baik jika diandingkan dengan kaedah meniru semata-mata. Melalui perbincangan inilah murid-murid dapat dibangkitkan untuk mengumpulkan isi-isi penting bagi karangan mereka. Namun demikian, peringkat-peringkat yang disebutkan di atas juga penting dalam proses membentuk kemahiran mengarang seseorang pelajar, sama pentingnya dengan semua kegiatan bahasa.


Menulis adalah satu kemahiran bahasa. Dalam bentuk yang mudah, menulis bermaksud menghubungkan bunyi dengan bentuk simbol-simbol grafik. Gerak kerja menulis ini disebut 'notation'. Seterusnya gerak kerja ini melibatkan proses ejaan, tatabahasa, penguasaan kosa kata, proses melahirkan idea dan akhirnya dapat melahirkan tanggapan / perasaan. Hasil gerak kerja inilah disebut karangan.

Mengenai definisi karangan ini, Prof. Dr. Koh Boh Boon (1983) menyatakan bahawa karangan adalah hasil dari kerja mengarang, satu proses melahirkan satu idea atau satu rangkaian idea dalam bentuk penulisan secara tersusun. Kamaruddin Haji Husin (1986) pula menyatakan bahawa karangan bukanlah hasil kepandaian atau kemahiran mengubah atau menyusun kata-kata, frasa dan ayat sahaja, tetapi merupakan



kemahiran menyambung idea, fakta dan sebagainya yang terdapat dalam pemikiran manusia melalui alat komunikasi yang dinamakan bahasa.

Dalam peringkat awal pengajaran / pembelajaran karangan, kita sering membimbing murid-murid untuk mengembangkan idea. Tanpa idea ini, murid-murid di dalam keadaan yang samar sekali atau sukar untuk menulis karangan walaupun mereka mempunyai asas yang teguh dalam aspek bahasa, gaya dan mekanik. Dan pengembangan idea ini pula merupakan satu langkah penting kepada murid-murid untuk mengumpul isi karangan atau butiran-butiran penting bagi karangan mereka. Jadi, bagaimanakah peranan kita untuk mengembangkan idea murid-murid ini?



Kita tidak dapat menafikan bahawa aspek penting bagi seseorang guru dalam perkara tersebut ialah mengembangkan pengalaman yang pernah dialami oleh seseorang murid. Ada dua cara seseorang itu memperolehi sesuatu pengalaman, iaitu secara langsung dan tidak langsung atau gantian. Pengalaman secara langsung yang dimaksudkan ini ialah pengalaman yang benar-benar ditempuhi oleh seseorang yang disebabkan oleh keadaan sekitar, kondisinya, takdir serta yang dialami oleh pancainderanya. Sementara pengalaman secara

gantian atau tidak langsung pula ialah bentuk-bentuk perbincangan, perkhabaran, atau pengalaman yang ditimba daripada media cetak atau elektronik dan sebagainya.

Dengan mengembangkan pengalaman yang pernah dialami oleh seseorang murid dan dibincangkan bersama di dalam bilik darjah, murid-murid telah diilhami atau menangkap beberapa idea untuk dijadikan isi karangannya.

Dalam satu penyelidikan yang dilakukan oleh Suratman Markasan (1985) ke atas dua puluh enam orang pelajar darjah enam berhubung dengan kemahiran mengarang, memperlihatkan bahawa satu kelemahan murid-murid kita dalam pelajaran karangan ini ialah keupayaan mereka menerapkan isi karangan. Dari peratusan yang diturunkan di bawah ini jelas memperlihatkan pecahan markah hitung panjang bagi isi lebih rendah dari jumlah hitung panjang markah tatabahasa dan susunan (gaya).

ISI	BAHASA	SUSUNAN
48.6%	60.0%	65.2%

Bagi mengatasi masalah mendapatkan isi sesebuah karangan, guru disarankan agar menggunakan pengalaman yang pernah dialami oleh seseorang kanak-kanak. Dan aspek pengalaman yang banyak menampilkan idea bagi penulisan karangan ini ialah **pengalaman pancaindera** seseorang kanak-kanak. Dengan demikian, murid / guru dapat mengecilkan jurang informasi yang boleh menghambat keupayaan murid mengarang.

MENGARANG DENGAN MENGGUNAKAN PENGALAMAN PANCAINDERA

Daya pengesanan dan pengecaman pancaindera kita sesungguhnya membantu kita dalam kehidupan. Seseorang mangsa penculikan yang terkurung di dalam sesebuah bilik yang gelap misalnya; dapat menggunakan deria pendengaran, penghiduan, persentuhan dan perasaian untuk mengesan sesuatu. Mungkin dengan menggunakan kekuatan pengesanan pancainderanya, dia dapat mengesan tempat kurungannya, penculiknya dan sebagainya.

Ini membuktikan betapa pentingnya pancaindera kepada manusia. Jika kita dapat menggunakan kesemua pancaindera kita dengan sebaik-baiknya, tentu bakal memanfaatkan kita.

Dan, andainya seseorang guru dapat merangsang murid-murid supaya menggunakan pancainderanya untuk mengesan sesuatu yang berhubungan dengan tajuk karangan, tentu masalah untuk menerapkan isi karangan boleh diatasi.

Mimi Brodsky Chenfeld (1978) mengatakan bahawa dengan mengumpulkan berbagai-bagai pengalaman pancaindera yang berhubungan dengan tajuk karangan merupakan satu usaha bagi murid-murid berkongsi pengalaman, meluaskan kosa kata dan sama-sama mencari idea atau isi bagi karangannya.



Katakanlah kita menyediakan tajuk karangan “Melawat ke Taman Haiwan Mandai” untuk murid-murid kita. Judul tersebut tentunya telah kita fikirkan kesesuaiannya kerana rata-rata murid kita hari ini telah berdarmawisata ke tempat tersebut. Buatlah arahan kepada murid-murid supaya mengumpulkan atau menyenaraikan sesuatu yang dilihatnya, didengarnya, dihidunya, disentuhnya atau dirasainya dengan lidah. Dengan berbuat demikian, murid-murid telah mula mengumpulkan atau membayangkan isi karangannya dengan menggunakan pancainderanya.

Mungkin daftar berikut terdapat dalam catatan murid-murid kita:

MELAWAT KE TAMAN HAIWAN MANDAI	
YANG DILIHAT	YANG DIDENGAR
banyak binatang binatang bergerak bebas monyet bergayut-gayut beruang putih berenang ramai pelawat pelawat mengambil gambar pokok-pokok menghijau sampah tidak bersempahan pentas pertunjukan kenaikan khas restoran dan lain-lain lagi	bunyi pelbagai binatang bunyi keretapi mini percakapan pelawat orang ketawa sorakan kanak-kanak kanak-kanak menangis bunyi binatang berklahi bunyi pancutan air arahan pegawai arahan ketua rombongan perbualan dan lain-lain lagi
YANG DIHIDU	YANG DISENTUH
bau wangi-wangian bau busuk najis binatang bau peluh badan dan lain-lain lagi	badan binatang air pancutan belalai gajah dan lain-lain lagi
YANG DIRASAI	
makanan restoran minuman dan lain-lain lagi	



Seyogianya dinyatakan bahawa daya ingatan seseorang kanak-kanak boleh menjejaskan pengumpulan senarai pengalaman pancaindera ini dan penjejasaan ini pula boleh mengurangkan isi karangannya kelak. Bagi mengatasi masalah tersebut, guru-guru disarankan supaya pengumpulan senarai tersebut dilakukan secara kumpulan atau beramai-ramai atau sebaik-baiknya semasa lawatan ke taman haiwan. Dengan demikian lawatan tersebut bukan sahaja akan menggembirakan murid-murid tetapi menjadi lebih bermakna.

Setelah pengumpulan senarai pengalaman pancaindera tadi, adakan beberapa perbincangan dengan murid-murid mengenai perkara tersebut. Dengan demikian, pengalaman pancaindera seseorang murid boleh tersebar di dalam darjah atau dengan kata lain murid-murid dapat berkongsi pengalaman. Begitu juga, daya ingatan murid akan mula berperanan dan gambaran lawatan tersebut menerawang di atas kepala mereka.

Melalui perbincangan juga, guru dapat menimbulkan beberapa kesan lain yang menyentuh perasaan (emosi) dan pemikiran mereka.

Menurut Raminah Haji Sabran dan Rahim Syam (1985); karangan ialah pelahiran perasaan dan fikiran secara bertulis berdasarkan tajuk yang diberikan oleh guru dalam jumlah perkataan yang terhad dan masa yang ditetapkan oleh guru.


Kesan yang menyentuh perasaan (emosi) ini dapat memunculkan beberapa isi karangan. Sekadar contoh; perasaan gembira kerana dapat membuat lawatan ke taman haiwan, berasa riang melihat telatah beberapa ekor binatang, berasa senang dengan keindahan sekitar taman haiwan tersebut dan sebagainya.

Begitu juga yang menyentuh pemikiran murid-murid. Murid-murid bukan sahaja berupaya menanggapi sesuatu tentang taman haiwan itu seperti taman haiwan yang bersih, luas, binatang yang bergerak bebas disebabkan kawasan kurungan yang luas dan terbuka, tubuh binatang yang sihat kerana penjagaan yang rapi dan sebagainya. Malah, menerusi perbincangan juga, murid-murid dapat dibimbing mengeluarkan pendapatnya mengenai sesuatu yang berhubungan dengan taman haiwan yang dilawatinya itu. Sekadar contoh; murid-murid boleh menyarankan sesuatu untuk mengurangkan bau busuk najis binatang dan sebagainya.

Setelah guru-guru berjaya membangkitkan pengecaman dan pengesanan menerusi pengalaman pancaindera ini, guru-guru bolehlah mengajukan 'bagaimana' hendak menuliskan karangan tersebut dengan baik. Namun demikian, kami tidak akan menyentuh tentang teknik dan gaya penulisan karangan yang baik dalam kertas ceramah ini.

(LIHAT HALAMAN SEBELAH)





Dengan menggunakan kaedah pengajaran karangan ini, kita mungkin mendapati murid-murid bertambah yakin untuk menulis sesuatu tajuk karangan dengan isi-isi yang padat dan berkesan.

Sesungguhnya, kegiatan seperti ini juga merupakan satu langkah membekalkan murid-murid dengan idea, latarbelakang pengalaman dan suasana yang dapat merangsang murid-murid mengarang. Martha Dallman (1976) menyatakan; latarbelakang pengalaman yang mencukupi dan peluang untuk berbincang sebelum kegiatan mengarang dijalankan, adalah penting kepada kanak-kanak yang lazimnya kurang pengetahuan tentang perkara-perkara kepengarangan.

Perhatikan beberapa karangan contoh yang ditulis oleh murid-murid kita. Karangan contoh ini menerapkan kaedah pengesanan melalui pancaindera dan kaedah yang digunakan dewasa ini.

Karangan Contoh 1.1
Darjah Tiga
Jumlah Perkataan : 80 patah

Abang Saya

Saya ada seorang abang. Namanya Sahari. Dia sangat kacak orangnya. Dia abang yang baik. Dia suka menolong ibu dan bapa saya. Kadangkala jika saya mempunyai masalah, dia akan menolong saya.

Pada suatu hari, abang saya jatuh sakit. Saya rasa sungguh sedih dan kesunyian. Dia tidak pergi ke sekolah selama seminggu. Saya sungguh risau. Satu hari, dia pun sembuh. Saya gembira. Saya tidak membenarkan abang saya berlari-lari di padang.

Saya sangat bertuah mempunyai abang seperti abang Sahari.

Karangan contoh 1.2
Darjah Tiga
Jumlah perkataan : 39 patah

Abang Saya

Saya ada seorang abang. Namanya Wahab. Bentuk badannya sedang dan mukanya lawa. Perangainya baik kadang-kadang nakal. Umurnya tiga puluh empat tahun. Dia tinggal di Ubi Avenue. Tingkatnya tiga. Dia ada isteri dan seorang anak. Dia bekerja sebagai pegawai polis.



Karangan contoh 1.3
Darjah Tiga
Jumlah perkataan : 56 patah

Abang Saya

Orangnya tinggi. Badannya tegap. Wajahnya garang dengan misainya yang tebal. Dia jarang tersenyum dan jarang bercakap. Walaupun begitu, dia baik orangnya. Dia tidak pernah memarahi saya. Dia suka menolong saya.

Dialah abang saya. Namanya Syukur. Umurnya baru dua puluh dua tahun. Dia baru sahaja menjadi pegawai polis. Katanya, "Dia suka menjaga negeri kita supaya aman."

Kalau kita perhatikan karangan contoh 1.1 dan 1.3, jelas kepada kita betapa imaginasi penulisnya berkembang setelah membuat pengecaman mengenai abangnya. Pengecaman ini tentunya banyak dibuat menerusi deria penglihatannya. Dan hasil daripada pengecaman ini, murid dapat mengumpulkan isi karangannya seperti abangnya kacak, baik, suka menolong, tinggi, tegap, garang, misainya tebal, suka tersenyum, jarang bercakap dan lain-lain lagi.

Andainya penulis ini diberi peluang menggunakan semua unsur pancainderanya, karangannya akan mengandungi banyak fakta. Katakanlah menerusi pendengaran, penulis mungkin dapat menggambarkan cara percakapan abangnya yang lema lembut, nyanyian abangnya yang merdu dan sebagainya.

Namun demikian, kita juga dapat melihat betapa melalui deria penglihatan sahaja, murid dapat meninggalkan beberapa kesan emosi. Hasil daripada pengesanannya itu, murid berjaya menerapkan isi-isi penting seperti sedih kerana abangnya sakit, berasa risau kerana sudah seminggu abangnya tidak ke sekolah, gembira kerana abangnya sembuh dan lain-lain lagi.

Malah, melalui pengesanan pancaindera juga, murid dapat menerapkan pendapatnya yang berterus terang, iaitu; tidak membenarkan abangnya berlari-lari di padang, sangat sayang akan abangnya dan berasa bertuah mempunyai abang.

Berbeza dengan karangan contoh 1.2, walaupun penulis hanya menggambarkan pengesanan deria penglihatan yang sekilas iaitu; badan abangnya sederhana, orangnya lawa dan berperangai tidak menentu (kadang-kadang baik, kadang-kadang nakal), murid berkenaan kurang berjaya mengembangkan pengalaman pancainderanya. Dengan demikian, karangannya kekurangan isi dan tidak mencapai jumlah perkataan yang ditetapkan. Kami yakin, jika murid dibimbing menerusi kaedah



pengecaman dan pengesanan pancaindera, murid akan bertambah yakin untuk mengarang.

Karangan contoh 2.1

Darjah Lima

Jumlah perkataan : 196 patah

Sahabat Pena

Selepas membuat kerja sekolah, saya merasa sangat bosan. Beberapa minit kemudian, kakak saya pun pulang dari kedai dan dia telah membeli sebuah majalah. Saya mula membaca majalah itu dan dapati majalah itu sangat menarik.

Kemudian, saya berasa ingin hendak mengadakan seorang sahabat pena dari luar negeri apabila saya membaca di ruangan sahabat pena.

Dengan pantas, saya melihat muka-muka semua orang dan memilih seorang perempuan yang sama umurnya dengan saya. Selepas itu, saya menulis surat tentang diri dan negeri ini. Sahabat Pena yang saya pilih berasal dari England. Namanya Tracy dan dia gemar bermain badminton, berenang dan membaca buku.

Selepas itu, saya pun pergi ke peti surat dan hantar surat ini ke England. Selepas menghantar surat itu, saya merasa tidak sabar untuk mendapat balasannya pula.

Seminggu telah berlalu tetapi iada surat daripada Tracy. Pada hari Isnin pula, saya terdapat sepucuk surat dari England. Dengan pantas, saya membaca surat itu. Tracy menulis tentang keadaan dan sekolahnya. Dia juga menulis yang dia juga mahu menjadi sahabat pena saya. Saya berasa sangat gembira.

Setiap minggu, dia akan menulis kepada saya dan menulis tentang kejadian yang kelakar atau aneh yang terjadi di sekolahnya. Dia juga menulis tentang keadaan di sana. Sekarang, di England, keadaannya teruk kerana salji semakin tebal.

Mungkin kita bersetuju bahawa karangan contoh 2.1 tidak mengandungi isi karangan yang kita harapkan. Sementara karangan contoh 2.2 pula hanya mengisi maklumat-maklumat yang kurang meninggalkan kesan daripada pembacaan kita.

Sebenarnya tajuk "Sahabat Pena" sama bentuknya dengan "Abang Saya" dalam contoh 1.1, 1.2 dan 1.3. Walaupun begitu, tajuk "Sahabat Pena" boleh ditulis lebih baik kerana kita berpeluang membangkitkan suasana, latar masa dan latar tempat yang berbeza terutama sahabat yang hendak ditulis itu menetap di luar negeri.



Karangan contoh 2.2

Darjah Lima

Jumlah perkataan : 88 patah

Sahabat Pena

Salah satu cara untuk mendapatkan sahabat pena di luar negeri ialah dengan menulis kepada mereka. Alamat-alamat mereka boleh didapati di majalah-majalah

Sahabat Pena saya bernama Alan. Dia tinggal di sebuah daerah di California, Amerika Syarikat. Dia tinggal bersama ibu bapa dan dua orang adik. Dia tinggal di sebuah rumah yang sederhana. Umrnya sebelas tahun. Dia bersekolah dalam arjah lima. Sekolah itu berdekatan dengan rumahnya. Sekolahnya itu bernama "Lunar".

Faedah yang kita boleh dapat darinya ialah seperti bertukar fikiran, juga dapat pengalaman tentang negaranya. Saya harap, aya boleh berjumpa dengannya suatu har nanti.

Tentunya kita berfikir, bagaimanakah seseorang murid itu hendak menulis sesuatu seperti yang dinyatakan tadi jika mereka belum pernah pergi ke tempat kediaman rakannya. Dana bagaimana murid-murid dapat memerikan perihal sahabat penanya itu jika mereka belum pernah menemuinya? Sesungguhnya hal ini akan menyukarkan murid-murid mengarang jika mereka tidak dapat mengumpulkan butiran-butiran yang ingin dijadikan isi karangan. Melalui perbincangan dan berkongsi pengalaman, kami yakin masalah ini boleh diatasi.

Dalam mencari isi karangan "Sahabat Pena" ini, sebahagian murid mungkin hanya dibelaki dengan perkhabaran-perkhabaran melalui surat, gambar-gambar sahabatnya, setem-setem kiriman sahabatnya dan lain-lain lagi. Sebenarnya bahan-bahan tersebut sudah mencukupi atau boleh memberi maklumat yang besar untuk dijadikan isi karangan. Namun begitu, murid-murid memerlukan kekuatan pengesanan dan pengecaman pancainderanya.

Sekadar contoh, melalui foto sahabatnya, murid-murid dengan menggunakan deria penglihatannya boleh menggambarkan bentuk fizikal sahabatnya itu. Atau menerusi surat-surat kiriman sahabatnya pula, mungkin mereka dapat mengesan suasana kehidupan, kegemaran, sifat, cita-cita dan impian sahabatnya itu.

Jika kita perhatikan perenggan akhir karangan contoh 2.1 atau ayat "Dia tinggal di rumah yang sederhana" dalam karangan contoh 2.2, gambaran tersebut dapat dimunculkan di dalam karangan. Andainya hal tersebut dikembangkan, kami pasti murid-murid akan dapat mengarang dengan lebih baik dan berjaya menerapkan isi-isi karangan dengan lebih padat. Dan tentunya, hal ini akan dapat tercapai andainya guru menggunakan kaedah pengesanan dan pengecaman pancandera ini.



Karangan contoh 3.1

Darjah Enam

Jumlah perkataan : 153 patah

Memelihara Tikus Putih

Zu dan Ali telah pergi ke Pusat Sains Singapura pada hari Sabtu lalu. Mereka pergi ke sana untuk mengambil dua ekor tikus putih. Mereka membawa tikus putih ke rumah Zul.

Zul menyimpan tikus putih itu di dalam kotak khas. Mereka menjaga tikus putih itu dengan baik. Mereka diberi makan tiga kali sehari. Makanan kesukaan tikus putih itu ialah keju dan susu.

Tiap-tiap hari, Ali pergi ke ruma Zul untuk bermain-main dengan tikus putih itu. Tikus-tikus itu berasa gembira ketika bermain. Ali selalu melepaskan tikus-tikus itu jika adiknya menggenggam tikus itu dengan kuat. Dia juga melarang adiknya daripada memukul tikus-tikus putih itu.

Ayah Ali juga selalu mengingatkan adiknya supaya menyayangi binatang dan jangan menyiksanya sebab mereka juga mempunyai perasaan sebagaimana kita ada. Daripada saat itu adik Ali menyayangi tikus-tikus putih abang itu. Ali dan Zul berasa gembira sekali.

Karangan contoh 3.2

Darjah Enam

Jumlah perkataan : 64 patah

Memelihara Tikus Putih

Pada hari Minggu yang lepas, saya dan Razak telah pergi ke Pusat Sains. Seorang dari pada pekerja itu memberi saya sebuah kotak yang berisi tikus putih di dalamnya.

Saya pun membawa pulang tikus itu ke rumah. Saya membuat sebuah rumah dan membina sebuah tempat untuk tikus itu memanjat

Saya selalu memberi makanan dan minuman ke sukaannya. Saya selalu marah adik saya supaya jangan memeriksanya.



Karangan contoh 3.3
Darjah Enam
Jumlah perkataan : 181 patah

Memelihara Tikus Putih

“Cit...cit..cit,” bunyi binatang pemeliharaan saya. Muncungnya bergerak-gerak setiap kali saya mendekatinya. Saya segera mengambilnya dan menggosok-gosok bulunya yang putih dan halus itu. Kemudian, saya pun memberinya makan secebis keju.

Nama binatang peliharaan saya itu, Manja. Nama itu diberi oleh ibu saya yang juga sangat sayang kepadanya. Manja ialah seekor tikus putih yang istimewa. Manja diberi oleh anak jiran saya yang bernama Lihua yang kini telah berpindah ke kawasan perumahan Marsiling.

Manja sangat gembira mendapat sekeping keju. Itulah makanan kegemarannya.

Saya membelikan sebuah tempat kurungan khas ntuk Manja. Di dalam kurunga itu terdapat sebuah buaian kecil dan roda kecil. Manja pandai bergayut-gayut di buaian itu dan menggerakkan roda kecil itu supaya berpusing-pusing.

Seyogianya dimaklumkan bahawa karangan contoh 3.1 dan 3.2 ditulis oleh penulis yang sedarjah dan menggunakan kaedah mengarang yang biasa. Sementara penulis karangan contoh 3.3 datangnya dari ekoloh yang lain dan menggunakan kaedah pengecaman dan pengesanan pancaindera.

Jika kita perhatikan karangan contoh 3.1 dan 3.2, kita dapat melihat idea yang tidak berkembang dan stereotaip pula. Gambaran-gambaran yang sama jelas terdapat pada kedua-dua karangan tersebut. Sekadar contoh; penulis mendapatkan tikus putih di Pusat Sains Singapura, Pergi ke Pusat Sains dengan seorang rakan, penulis memarahi adiknyanya kerana menyiksa tikus putih dan lain-lain lagi.

Karangan contoh 3.1 lebih berkembang daripada karangan contoh 3.2 yang mendapat teguran guru kerana tidak mencapai jumlah perkataan yang ditetapkan. Namun demikian, isi karangan contoh 3.1 hanya menerapkan maklumat-maklumat atau pengalaman yang bersifat umum belaka. Kekurangan perkataan dalam karangan contoh 3.2 pula jelas memperlihatkan kepada kita betapa kekurangan idea akan menghambat keinginan murid untuk mengarang.

Karangan contoh 3.1 dan 3.2 dimulakan dengan kegiatan perbincangan, namun bahan perbincangan lebih tertumpu kepada ‘bagaimana’ karangan tersebut hendak ditulis terutama dalam aspek susunan. Malah idea perbincangan hanya terlingkar dalam bentuk yang amat terbatas, iaitu:

- Bagaimana kamu mendapat tikus putih itu?



- Di manakah kamu menyimpan tikus putih itu?
- Apakah yang akan kamu buat dengan tikus putih itu?
- Apakah yang akan kamu buat jika adik kamu menyiksa tikus itu?

Kalau kita perhatikan uku teks Sari Bahasa 6A (halaman 23) yang menyarankan tajuk karangan yang seerupa tetapi berpandukan gambar bersiri, ini tidaklah bermakna murid-murid terbatas untuk mengeluarkan idea (pengalaman fikirnya) dan emosi (pengalaman perasaannya).

Begitu juga perkataan dan frasa yang dijadikan panduan mengarang bukanlah satu arahan yang tegar (rigid). Ini jelas tercetak dalam arahan yang mengatakan ; kamu bolehlah menggunakan semua atau sebahagian panduan tersebut. Pembatasan-pembatasan hanya akan menghalang keinginan murid-murid untuk mencipta, sedangkan kita amat maklumi bahawa imaginasi seseorang kanak-kanak kadangkala melangkaui alam yang nyata.

Berbeza dengan karangan contoh 3.3, kita dapat melihat betapa penulis membuat gambaran mengenai tikus putih itu melalui pengalaman pancainderanya. Sekadar contoh: ayat-ayat berikut merupakan fakta yang membentuk dan mewarnai karangannya serta tidak terucap di dalam karangan contoh 3.1 dan 3.2.

- Muncungnya bergerakgerak seperti mahu (mahukan) sesuatu dari (daripada) saya . (aspek penglihatan)
- “Cit...cit..cit...,” bunyi binatang peliharaan saya. (aspek pendengaran)
- Saya segera mengambilnya dan menggosok-gosok bulunya yang putih dan halus itu. (aspek persentuhan)

Jadi, ama jelas kepada kita bahawa kaedah pengajaan melalui pengecama dan pengesanan pancaindera ini dapat membina minat dan mengukuhkan keupayaan murid-murid kita mengarang. Suratman Markasan mengatakan; dengan menggunakan bentuk ini, guru-guru secara tidak langsung, sentiasa mengajar murid sentiasa berjaga-jaga dan waspada. Mereka sentiasa mahu mencatat apa yang dilihatnya, apa yang didengarnya, apa yang mungkin dihidunya, dan apa yang dapat dirasai atau difikirkannya.

PENUTUP

Dengan menggunakan kaedah mengarang melalui pengecama dan pengesanan pancaindera ini, murid-murid bukan sahaja diberi peluang berkongsi pengalaman dengan rakan-rakannya tetapi dapat melatih diri melahirkan idea dan isi karangan yang padat. Dan, dengan demikian juga, murid-murid akan bertambah yakin dalam menghasilkan karangan yang berwarna dan bermakna.



BAHAN BACAAN DAN RUJUKAN:

ABDULLAH HASSAN - Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1982.

ASMAH HAJI OMAR (Ed) - Kaedah Pengajaran Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984.

AWANG MOHAMMAD AMIN - Beberapa Masalah Pengajaran-Pembelajaran Karangan Peringkat Tinggi, Dewan Bahasa Jilid 27, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Mac 1983.

Ujian Penulisan Peringkat Sekolah Rendah: Satu Tinjauan Sepintas Lalu. Kertas kerja Seminar Perguruan: Pengukuran dan Penilaian dalam Bidang Pendidikan Bahasa anjuran Fakulti Pendidikan Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka, November 1982.

AZMAN WAN CHIK (Ed) - Mengajar Bahasa Malaysia Jilid 1, Perkaedahan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA – Panduan Guru di Sekolah Rendah, Kuala Lumpur, 1961

INSITUT PERKEMBANGAN KURIKULUM SINGAPURA - Buku Teks Sari Bahasa 6A, Pan Pacific, Singapura 1985.

ISAHAK HARON - Panduan Pengajaran Bahasa Malaysia di Sekolah Menengah: Pembinaan Satu Conceptual Framework Dalam Penulisan Karangan, Jurnal Dewan Bahasa Jilid 23, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Februari 1979.

KAMARUDDIN BIN HAJI HUSIN - Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa, Penerbitan Sarjana, Kuala Lumpur, 1986.

KEMENTERIAN PELAJARAN SINGAPURA - Sukatan pelajaran Bahasa Melayu untuk Sistem Pendidikan Baru, Kursus Bersama dan Biasa, Singapura, 1981.

KOH BOH BOON - Pengajaran Bahasa Malaysia, Utusan Publication Malaysia, 1981

Beberapa Aspek Penting dalam Pengajaran Karangan Bergambar, Dewan Bahasa Jilid 27, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Mac 1983.

Penilaian Karangan Bahasa Malaysia, kertas kerja Seminar Perguruan: Pengukuran dan Penilaian dalam Bidang Pendidikan Bahasa anjuran Jabatan Pendidikan Bahasa, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka, November 1982.

MARTHA DALLMANN - Teaching The Language Arts in the Elementary School, Brown Cmpny Publishers, USA, 1976.

MIMI BRODSKY CHENFELD - Teaching Language Arts Creatively, Harcourt Brace Jovanovich, Amerika, 1978.

MOHD HILMI HAJI ISMAIL - Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah rendah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982.

RAMINAH HJ SABRAN dan RAHIM SYAM - Kaedah Pengajaran Bahasa Malaysia, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1985.



SEAMEO REGIONAL LANGUAGE CENTRE - Controlled and Guided Composition, Singapura, 1986.

Guideline for Writing Activities, A Magazine for Language Teacher, N: 6, Disember 1986.

SIDI GHZALBA - Pandangan Islam tentang Kesenian, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1977.

SURATMAN MARKASAN - Metode Mengarang dengan Menggunakan Kekuatan Pancaindera, kertas kerja Seminar Bahasa dan Sastra dalam Pendidikan di Malaysia anjuran Persatuan Linguistik Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, April 1985.

Mengembangkan Kebolehan Menulis dan Kemampuan Menulis, Mengembangkan Kebolehan Mengarang untuk Mengikis Kelemahan dan Daya Mencari isi dan kekuatan Bahasa, Kertas syarahan Kursus Dalam Perkhidmatan Pengajaran Bahasa Melayu, Institut Pendidikan Singapura, 1985.

